



BULETIN  
PEJABAT PENDAFTAR

Edisi Ke-27/Mei 2017  
ISSN 1996/2924

# TERAS

<http://www3.utm.edu.my/pendaftar/teras>

## *Retreat* **CANSELOR 2017** Universiti Teknikal Malaysia Melaka



*Anugerah*  
**Perkhidmatan Cemerlang 2016**

*Konvensyen*  
**KIK Peringkat UTeM Kali Ke-3**

**Resolusi Se-UTeM**

**Bersara Pilihan**

**Penubuhan Unit  
Latihan Strategik**

# Kandungan

Retreat Canselor 2017 Universiti Teknikal Malaysia Melaka	4
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016	9
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kali Ke-3 Universiti Teknikal Malaysia Melaka	16
Bersara pilihan	23
Resolusi Se-UTeM	25
Penubuhan Unit Latihan Strategik Seksyen dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia	28
Taklimat Transformasi Laluan Kerjaya Akademik "Strenghtening Academic Career Pathways and Leader- ship Development"	30
Lawatan Bahagian Penguru- san Organisasi (BPO) Ke Pejabat Poslaju Melaka	31
Lawatan Pelajar UiTM Segamat ke Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) Untuk Pengurusan Rekod	32

Bengkel Pemberian Pakaian Seragam Secara "Wear & Tear" di UTeM	33
Jelajah Pendidikan Bumiputra 2017	34
Catatan Seorang Pengembara Ilmu	36

## Sidang Redaksi

Penaung  
Datuk Hasan bin Sirun  
Ketua Editor  
Marsita binti Mohd Taib  
Editor  
Noorazilah binti Mohamed

Sidang Redaksi  
Muhamad Sopian bin Baharom  
Nur Fazilah binti Mohd Kassim  
Norsuria binti Azis  
Azlina binti Amzah  
Siti Aisya binti Daud  
Mohd Faiz bin Zulkifli

Jurugambar  
Md Nor bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu binti Talib  
Mohd Farid bin Supangi  
Asri bin Abu

Pembaca Pruf  
Nurhayati binti Mohd Shariff

Penulis/Wartawan  
Azhar bin Mohd Salleh  
Noorazilah binti Mohamed  
Noor Izwanni binti Amil  
Tinta Firmannika bin Selamat  
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin  
Nur Fazilah binti Mohd Kassim  
Azmin Fadli bin Mahyuddin  
Norsuria binti Azis  
Azlina binti Amzah  
Norhida binti Md. Said  
Sulaina binti Kamarudin  
Dr. Norhazwani binti Md Yunos  
Dr. Hazli Rafis bin Abdul Rahim

Reka Bentuk  
Ratnasaerah binti Azis

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Bersyukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan buat pertama kalinya, untuk saya menitip bicara tanpa kata di arena ini. Memasuki tahun 2017 menyaksikan pelbagai strategi serta inisiatif diatur, serta sebahagiannya dijadikan **Sasaran Kerja Tahunan (SKT)** bagi membolehkan setiap perencanaan mencapai keberhasilan. Sesungguhnya nikmat kehidupan berterusan yang dikurniakan kepada kita wajarlah dimanfaatkan sebaiknya, ibarat pepatah, *year's end is neither an end nor a beginning but a going on, with all the wisdom that experience can instill in us.*

Lonjakan inovasi dan kreativiti adalah kritikal dalam meningkatkan produktiviti. Penganjuran Konvensyen **KIK** saban tahun misalnya, merupakan platform sebagai pencetus kepada PTj di UTeM dalam menghasilkan projek-projek ke arah usaha penambahbaikan proses serta membentuk budaya perkhidmatan cemerlang. Begitu juga dengan sambutan **Majlis Hari Kualiti**, kedua-duanya dilaksanakan pada awal bulan Mac lalu, bertujuan memberi penghargaan serta pengiktirafan ke atas sumbangan dan dedikasi warga Universiti dalam menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan. Dengan adanya anugerah maka setiap warga akan lebih bermotivasi untuk mempertingkatkan kecekapan masing-masing. Inilah dikatakan "*competition nurtures progress*". Di antara unsur-unsur penting ke arah penghasilan kerja berkualiti adalah penetapan proses dan pewujudan "*standard*" serta penyeliaan dan pengawasan fungsi setiap individu. Nilai-nilai penting tersebut menjadi ramuan kepada pembentukan budaya kecemerlangan yang wajar dipupuk.

Suku pertama tahun 2017 diteruskan dengan penganjuran program **Retreat Canselor 2017**, yang telah menemukan tiga (3) pihak Berkuasa Universiti dalam mendepani cabaran mendatang serta mencorakkan masa hadapan yang progresif dan lestari. Kehadiran T.Y.T. Tun Canselor telah mengumpamakan pertemuan tersebut sebagai sesi "*heart talk*" - iaitu menyampaikan hasrat beliau mahu menjadikan UTeM sebagai sebuah organisasi yang bitara, merevolusikan penawaran khidmat lebih produktif serta kekal relevan dalam landskap semasa perkhidmatan awam.

Pembaharuan dalam idea, berfikir di luar kotak serta berfikir secara inovatif merupakan antara aspek utama apabila menangani isu dalam dunia tanpa sempadan. Setiap pencapaian adalah satu proses. Untuk capai sesuatu yang luar biasa, ia perlu dilakukan sedikit demi sedikit (berperingkat) dari satu langkah kepada satu langkah sehinggalah kepada pencapaian menjadi besar dan hebat. Marilah sama-sama berhijrah demi iltizam menjadi insan yang berihsan serta lebih baik pegangan-Nya.

Di dalam surah an-Najm ayat 39 Allah berfirman, "Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya".

*Marsita binti Mohd Taib*

Ketua Editor

Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

# Retreat

## CANSELOR 2017

### Universiti Teknikal Malaysia Melaka

31 MARCH - 2 APRIL 2017



Oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin


Retreat  
Canselor 2017  
Universiti Teknikal  
Malaysia Melaka

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merupakan Universiti Awam (UA) serta Universiti teknikal pertama di Malaysia yang diwujudkan oleh kerajaan Malaysia. Universiti ini telah diberi penjenamaan baru apabila kerajaan bersetuju untuk menaik taraf Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kepada Universiti. Maka, pada tanggal 1 Februari 2007 tercatatlah sejarah kelahiran Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sejak daripada penubuhannya, pelbagai perubahan dan kemajuan yang telah dikecapi oleh Universiti ini. Dalam mendepani cabaran yang mendatang dan demi pembentukan Universiti yang lebih progresif serta lestari, pihak Universiti telah mengadakan Retreat Canselor 2017 pada 31 Mac 2017 sehingga 2 April 2017 bertempat di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang Darul Makmur.

Program ini telah melibatkan seramai 39 orang peserta yang terdiri daripada Canselor, Lembaga Pengarah Universiti, Senat dan Ahli Majlis Eksekutif Universiti di mana telah **mencatatkan kehadiran penuh para peserta**. Bagi menjayakan Retreat Canselor 2017, ia turut dibantu oleh 12 orang *rapporteur* dan lapan (8) orang urus setia.



Pelaksanaan program ini telah menggunakan kaedah *Value Proposition Canvas* sebagai medium utama perbincangan dalam mengenalpasti kekuatan dan kekurangan serta mencari nilai tambah terhadap pembangunan Universiti. Menerusi beberapa siri perbincangan dan pembentangan, terdapat 30 perkara/isu telah dibangkit.



Program Retreat ini seolah menjadi satu titik pertemuan antara tiga (3) pihak berkuasa Universiti iaitu Lembaga Pengarah Universiti, Senat dan Pengurusan Universiti. Mengambil peluang ini, kepakaran dan pengalaman ketiga-tiga pihak ini telah digabungkan menerusi pembentukan enam (6) kumpulan dan setiap kumpulan dipimpin oleh ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Perbincangan yang dipandu oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib (Ketua Fasilitator), YBhg. Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof [Pengarah Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti Dan Risiko (PPSKR)] dan Dr. Abdul Karim bin Mohamad, Timbalan Pengarah PPSKR telah memfokuskan kepada enam (6) tema di bawah Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2012 – 2020 iaitu:

- Tema 1: Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- Tema 2: Merintis Teknologi Masa Hadapan
- Tema 3: Membentuk Pemimpin Berciri Teknousahawan
- Tema 4: Memacu Potensi Komuniti
- Tema 5 : Pengurusan Bakat
- Tema 6 : Kelestarian Kewangan

## Tema 1

### Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal

1. YBhg. Dato' Amir bin Md Noor (LPU)
2. YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhammad (TNC (A&A)/Senat)
3. Prof. Dr. Zulkiflie bin Ibrahim (Dekan PPS/Senat)
4. Prof. Madya Dr. Noreffendy bin Tamaldin (Dekan FKM/Senat)
5. Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff (Dekan FTK/Senat)
6. Prof. Madya Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon (Pegarah PPPA/Senat)

Rapporteur : En. Wahi bin Nordin & Pn. Junaidah binti Kasim

## Tema 2

### Merintis Teknologi Masa Hadapan

1. YBhg. Datuk Omar Shariff bin Mydeen (LPU)
2. YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor (TNC (P&I)/Senat)
3. YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu bin Abdullah (Profesor/Senat)
4. YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Profesor/Senat)
5. Prof. Dr. Mohammad Ishak bin Desa (Profesor/Senat)
6. Prof. Madya Ir. Dr. Md Nazri bin Othman (Dekan FKE/Senat)

Rapporteur : En. Mohd Azmi bin Mat Said & Cik Sharifah Aisyah binti Syd Ismail

## Tema 3

### Membentuk Pemimpin Berciri Teknousahawan

1. YBrs. Encik Azrul bin Aziz (LPU)
2. YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid (TNCHEP/Senat)
3. Prof. Madya Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus (Dekan IPTK/Senat)
4. Prof. Dr. Salleh bin Yahya (Profesor/Senat)
5. YBhg. Datuk Azhar bin Mohamed (PUU/Senat)
6. Pn. Fazidah binti Ithnin (Pegarah PPPC/ME)

Rapporteur : En. Misdom bin Lan & Cik Nur Azriah binti Amir

## Tema 4

### Memacu Potensi Komuniti

1. Y.B. Senator Datuk Zali bin Mat Yasin (LPU)
2. YBhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin (PNC (JIM)/Senat)
3. YBhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang (PNC (PPF)/Senat)
4. Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap (Dekan FKEKK/Senat)
5. Prof. Dr. Burairah bin Hussin (Dekan FTMK/Senat)

Rapporteur : Prof. Madya Dr. Mohamad Zoinol Abidin bin Abd. Aziz & En. Mohd Shahr bin Akashah

## Tema 5

### Pengurusan Bakat

1. Y.B. Datuk Seri Hj. Naim bin Abu Bakar (LPU)
2. YBhg. Datuk Hasan bin Sirun  
(Pendaftar/Setiausaha LPU/Senat)
3. Prof. Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh (Dekan FKP/Senat)
4. Dr. Zawiah binti Mat (Dekan PBPI/Senat)
5. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman (Profesor/Senat)
6. En. Mohd Isa bin Mohd Dom (CIO/Senat)

Rapporteur : En. Masdzarif bin Mahat & Pn. Noorazilah binti Mohamed



## Tema 6

### Kelestarian Kewangan

1. YBrs. Encik Mohd Nazri bin Md Shariff (LPU)
2. YBrs. Puan Kholiah binti Ismail (LPU)
3. YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain (LPU)
4. En. Khairul bin Taib (Bendahari/Senat)
5. Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid (Dekan FPTT/Senat)
6. LAr. Abdul Wahab bin Harun  
(Pengarah Pejabat Pembangunan/ME)

Rapporteur : Pn. Noraini binti Zabidin & En. Bakri bin Abu Bakar



Hasil perbincangan telah dibentangkan oleh setiap kumpulan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. Pembentangan ini merupakan satu sesi yang amat bermakna yang mana ia telah menyelaraskan dan mewujudkan kesepaduan antara setiap hala tuju yang dihasratkan sama ada di peringkat Kementerian mahupun Lembaga Pengarah Universiti dan Senat.

Program yang julung-julung kali diadakan ini turut merakamkan titik sejarah dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor UTeM. Kehadiran Tun Canselor pada hari ketiga program disambut oleh barisan kepimpinan Universiti dan dimulakan dengan sesi bergambar bersama sebelum ia diteruskan dengan Pembacaan Ikrar Bebas Rasuah ("IBR") oleh Lembaga Pengarah Universiti.





### Pembacaan Ikrar Bebas Rasuah (“IBR”) oleh Lembaga Pengarah Universiti

Lembaga Pengarah Universiti juga telah menandatangani IBR pada sesi ini sebagai komitmen dalam menjunjung tanggungjawab serta akauntabiliti daripada terlibat dengan sebarang salah guna kuasa sepanjang pelantikan sebagai Lembaga Pengarah Universiti.

Ternyata penganjuran Program Retreat Canselor 2017 ini amat bermakna kerana TYT Tun Canselor sudi meluangkan masa dan secara peribadinya telah mengumpamakan komunikasi dua hala secara terbuka ini sebagai sesi “Heart Talk” bersama Lembaga Pengarah Universiti dan Senat.



Pada sesi ini, TYT Tun Canselor bersama-sama para peserta telah melontarkan pelbagai idea, pandangan dan komen yang berlandaskan kepada "satu hati" untuk memajukan Universiti. Ternyata ianya telah menghasilkan pelbagai pandangan membina dari pihak Lembaga Pengarah dan Senat yang mempunyai pengalaman dan kepakaran tersendiri. Lebih manis dan terkesan, setiap input, hujah serta pandangan disambut oleh Tun Canselor dan akhirnya disinergikan untuk menjadi satu percaturan baru dalam pembangunan Univer-

Secara keseluruhannya, program telah berjaya memberikan ruang kepada pihak Universiti dalam memperkasakan Pelan Strategik Universiti dengan mengasimilasikan hujah dan pandangan dari pelbagai perspektif terutamanya dari TYT Tun Canselor. Retreat ini juga telah berjaya mengukuhkan lagi hubungan silaturahim, semangat kerja berpasukan, kebersamaan dalam membina matlamat serta penghayatan dalam melakukan tugas yang diamanahkan.



**#1UTeM**

**#Sepakat Ihsan, Persada Gemilang**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





Oleh: Norhida binti Md Said

## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 dan Anugerah Sanjungan UTeM



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 dan Anugerah Sanjungan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diadakan pada 8 Mac 2017 bertempat di Dewan Besar, UTeM. Pada majlis ini, pihak Universiti meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), calon bagi Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) di samping mengiktiraf dan menghargai mereka yang telah berkhidmat melebihi 20 tahun secara berterusan dalam perkhidmatan kerajaan menerusi Anugerah Jasa Bakti.

Majlis yang diadakan merupakan tanda pengiktirafan dan penghargaan pihak Universiti kepada warga UTeM yang telah menghasilkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang dan yang lebih penting telah memenuhi kehendak pemegang taruh dan kumpulan sasaran.



**Bilangan penerima Anugerah:**

- i) Calon Pingat Perkhidmatan Cemerlang 2016:  
**1 orang**
- ii) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016:  
**171 orang**
- iii) Anugerah Jasa Bakti:  
**2 orang**

**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**

Seramai 171 orang staf UTeM daripada pelbagai skim dan gred jawatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun penilaian 2016. Anugerah ini merupakan penyubur semangat dan pendorong untuk semua warga UTeM berkhidmat dengan lebih baik dalam persaingan secara sihat ke arah peningkatan kecemerlangan dalam perkhidmatan awam.

Selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 "Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Awam", staf yang menerima APC akan diberikan insentif dan hadiah seperti berikut:

- 01** Sijil perkhidmatan cemerlang
- 02** Sijil Simpanan Premium sebanyak RM1,000.00
- 03** Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar, atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja
- 04** Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjan kebesaran Persekutuan dan negeri; dan
- 05** Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai



### SENARAI PENERIMA APC BERDASARKAN PUSAT TANGGUNGJAWAB

**KETUA PTJ**

1. Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani
2. Prof. Dr. Salleh bin Yahya
3. Khairul bin Taib

**CANSELORI**

4. Afiana binti Husin
5. Siti Nabilah binti Zulkifly
6. Yang Sarinah binti Mohd Talib
7. Zairudin bin Said

**PEJABAT PENDAFTAR**

8. Noor Izwanni binti Amil
9. Mohd Farid bin Mohd Khalid
10. Ahmad Fitri bin Abu Bakar
11. Mohd Reduan bin Ahmad @ Samad
12. Mohd Asri bin Mohd Mokhtar
13. Suzita binti Yusuf
14. Nor Hafizah binti Hamyadi
15. Norashikin binti Johari

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (A&A)**

16. Prof. Madya Dr. Nur Izyan Syahriah binti Hussein
17. Norihan binti Abu Nawar
18. Siti Marziana binti Sarif



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(HAL EHWAL PELAJAR)**

- 19. Dr. Asiah binti Hj. Mohd Pilus
- 20. Hamidi bin Mohd Hasnan
- 21. Mohd Hafidz bin Mohamad Razali
- 22. Siti Sabrinah binti Buang
- 23. Abdul Rashid bin Abdul Rahman
- 24. Ezra Anish binti Mustapa
- 25. Etyy Marina binti Muhamad Noor
- 26. Ahmad Rhafae bin Samsudin
- 27. Zuraidah binti Abdullah

**PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR  
(JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)**

- 28. Ahmad Hafiz bin Mohd Puad
- 29. Shahrul Izwan bin Adnan

**PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR  
(PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI)**

- 30. Mohd Azari bin Zakaria
- 31. Zakaria bin Mohd Isa
- 32. Shamsul bin Sabtu @ Shariff
- 33. Herman bin Hussin
- 34. Azrai bin Abdul Aziz
- 35. Abdul Jalil bin Mohamed
- 36. Muhamad Khairul bin Mohamad Noor
- 37. Siti Norhasimah binti Mohamad Laily
- 38. Mohammad Fatul Ariffin bin Ahmad
- 39. Zaidi bin Hassan
- 40. Omar bin Abdul Aziz
- 41. Siti Nor Azuana binti Azmi
- 42. Yang Chik binti Abdul Rahman

**PEJABAT PEMBANGUNAN**

- 43. Sarimah binti Zakaria
- 44. Rashidah binti Azhar
- 45. Safina binti Aderis
- 46. Noorlizawati binti Kamis
- 47. Mohd Faris bin Mohd Sirat
- 48. Mohd Isa bin Wahab
- 49. Suhaimei bin Hashim
- 50. Mokhtar bin Murtuza
- 51. Baharin bin Ali Moallaf

**PEJABAT BENDAHARI**

- 52. Khairul Anwar bin Abdul Tahrir
- 53. Zuhana binti Johari
- 54. Noorhaslina binti Hamazah
- 55. Marhaini binti Mohd Nin
- 56. Norlokman bin Abu Bakar
- 57. Rahim bin Abu Bakar





**PEJABAT KETUA PEGAWAI MAKLUMAT**

**PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI**

- 58. Dr. Othman bin Mohd
- 59. Hisamudin bin Kamarudin
- 60. Nur Ain binti Hasan
- 61. Rizathul Emma binti Taib
- 62. Mohd Ezren bin Buang
- 63. Hazilah binti Hamid

**PERPUSTAKAAN**

- 64. Mahadir bin Che Ali
- 65. Rasida binti Abu Bakar
- 66. Nazaruddin bin Md Yunus
- 67. Mohamad Azhari bin Johari
- 68. Mohd Hannif bin Jamaludin

**PENERBIT UNIVERSITI**

- 69. Mohd Kharul Anuar bin Raduan
- 70. Mohd Akhtar bin Ab. Karim
- 71. Norhayati binti Yakob

**PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**

- 72. Mohd Adznan bin Mohd Nayan

**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER**

- 73. Prof. Madya Dr. Azmi bin Awang Md Isa
- 74. Prof. Madya Dr. Kok Swee Leong
- 75. Dr. Sharatul Izah binti Samsudin
- 76. Dr. Noor Azwan bin Shairi
- 77. Dr. Hanim binti Abdul Razak
- 78. Dr. Soo Yew Guan
- 79. Nazreen binti Waeleh
- 80. Khairun Nisa binti Khamil
- 81. Sani Irwan bin Salim
- 82. Mohd Hanapiah bin Md Lip
- 83. Mahadi bin Salleh
- 84. Imran bin Mohamed Ali

**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK**

- 85. Dr. Muhammad Nizam bin Kamarudin
- 86. Dr. Wahidah binti Abd Halim
- 87. Dr. Elia Erwani binti Hassan
- 88. Dr. Loh Ser Lee
- 89. Dr. Mohd Shahrieel bin Mohd Aras
- 90. Ahmad Aizan bin Zulkefle
- 91. Tarmizi bin Ahmad Izzuddin
- 92. Nursabillilah binti Mohd Ali
- 93. Alias bin Khamis
- 94. Siti Salwa binti Mauludin
- 95. Ahamad Fuad bin Jaapar
- 96. Mohd Fauzi bin Roslan
- 97. Abd Rahim bin Baba

**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

- 98. Dr. Siti Hajar binti Sheikh Md Fadzullah
- 99. Dr. Ahmad Kamal bin Mat Yamin
- 100. Syalwanie binti Mohamad Rozi
- 101. Norasra binti A. Rahman
- 102. Dr. Abd Rahman bin Dullah
- 103. Dr. Shafizal bin Md Mat
- 104. Dr. Nazri bin Md Daud
- 105. Dr. Yusmady bin Mohamed Arifin
- 106. Dr. Suhaimi bin Misha
- 107. Dr. Mohd Azli bin Salim
- 108. Hairul Nezam bin Wahid
- 109. Rashdan bin Seman

**FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN**

- 110. Dr. Liew Pay Jun
- 111. Dr. Radin Zaid bin Radin Umar
- 112. Dr. Mohamad Ridzuan bin Jamli
- 113. Dr. Zaleha binti Mustafa
- 114. Dr. Mohd Edeerozey bin Abd Manaf
- 115. Ir. Dr.-Ing. Azrul Azwan bin Abdul Rahman
- 116. Dr. Zuhriah binti Ebrahim
- 117. Mohd Fairus bin Ninggal
- 118. Mazlan bin Mamat @ Awang Mat
- 119. Nur Hidayah binti Mustafah
- 120. Marhamah binti Ahmad

**FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI**

- 121. Prof. Madya Dr. Choo Yun Huoy
- 122. Prof. Madya Dr. Mohd Faizal bin Abdollah
- 123. Prof. Madya Dr. Asmala bin Ahmad
- 124. Dr. Siti Nurul Mahfuzah binti Mohamad
- 125. Dr. Mohd Hafiz bin Zakaria
- 126. Dr. Sabrina binti Ahmad
- 127. Dr. Nurul Akmar binti Emran
- 128. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi
- 129. Muhammad Haziq Lim bin Abdullah
- 130. Mohd Zaki bin Mas'ud
- 131. Norhidayah binti Mohd Zainudin
- 132. Rohaya binti Ibrahim
- 133. Mohd Rif'an bin Abdul Rahman

**FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN**

- 134. Sitinor Wardatulaina binti Mohd Yusof
- 135. Johanna binti Abdullah Jaafar
- 136. Mislina binti Atan @ Mohd Salleh
- 137. Azmin Fadli bin Mahyuddin

**INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN**

- 138. Fadzlin binti Amzah





info

**FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN**

- 139. Dr. Wan Hasrulnizzam bin Wan Mahmood
- 140. Ahmad Idil bin Abdul Rahman
- 141. Mohd Hairizal bin Osman
- 142. Ahmad Nizam bin Jamaludin
- 143. Dr. Muhammad Ilman Hakimi Chua bin Abdullah
- 144. Iskandar bin Waini
- 145. Tg Mohd Faisal bin Tengku Wook
- 146. Mohamad Ridzuan bin Mohamad Kamal
- 147. Mohd Sulhan bin Mokhtar
- 148. Aludin bin Mohd Serah
- 149. Nurulhalim bin Hassim
- 150. Mohd Firdaus bin Mohd Ab Halim
- 151. Mohd Qadafie bin Ibrahim
- 152. Siti Halma binti Johari
- 153. Halyani binti Mohd Yassim
- 154. Siti Nor'ain binti Mokhtar
- 155. Nazrin binti Aziz
- 156. Mohd Azimin bin Ibrahim
- 157. Mohd Mohidden bin Mansor
- 158. Muhammad Rabbani bin Abd Rasid
- 159. Addyazizi bin Mat Nawi
- 160. Ahmad Fauzan bin Kadmin

**PUSAT BAHASA & PEMBANGUNAN INSAN**

- 161 Dr. Safiah binti Sidek
- 162. Dr. Zanariah binti Jano
- 163. Dr. Shahrulanuar bin Mohamed
- 164. Dr. Norida binti Abdullah
- 165. Cheong Kar Mee
- 166. Suhadawati binti Ahmad

**PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK, KUALITI DAN RISIKO**

- 167. Prof. Madya Shahdan bin Md Lani

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

- 168. Prof. Dr. Rabiah binti Ahmad
- 169. Prof. Madya Dr. Zahriladha bin Zakaria
- 170. Faisal bin Mohd Isa

**PUSAT ISLAM**

- 171. Muhammad Iskandar Shah bin Ab Ahmid

### Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)

Pingat ini diberi kepada staf yang mempunyai kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi. Pingat ini dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui status Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan diiktiraf sebagaimana pingat-pingat lain yang dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Staf yang menerima PPC akan menerima insentif seperti berikut :-

- 01 Pingat Perkhidmatan Cemerlang
- 02 Sijil Pingat Perkhidmatan Cemerlang
- 03 Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.00
- 04 Peluang bagi pembangunan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja
- 05 Peluang untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri; Penganugerahan PPC diadakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penerima bagi calon PPC adalah:

**Dr. Siti Hajar binti Sheikh Md Fadzullah**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan  
Mekanikal

### Anugerah Jasa Bakti (AJB)

Anugerah Jasa Bakti merupakan satu anugerah yang diperkenalkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi mengiktiraf dan menghargai staf yang telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan melebihi 20 tahun.

### Penerima Anugerah Jasa Bakti 2016

**Dr. Muhd Akmal Noor bin Rajikon**  
Tarikh Mula Khidmat : 16 April 1996  
Jumlah Tahun Khidmat: 21 tahun

**Mohamed Suhaimi bin Abdullah**  
Tarikh Mula Khidmat : 1 Ogos 1996  
Jumlah Tahun Khidmat: : 21 tahun





# Konvensyen KIK UTeM Kali Ke-3

Oleh: Noorazilah binti Mohamed

Pihak Pengurusan Universiti sentiasa menekankan pembudayaan elemen kreativiti dan inovasi kepada setiap warga Universiti. Kesenambungan kejayaan KIK perlu diteruskan dengan menggilap dan mengenal pasti kumpulan-kumpulan KIK baharu yang akan mewakili UTeM ke peringkat Universiti Awam (UA) dan seterusnya ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Konvensyen KIK Peringkat UTeM ini disertai oleh lapan (8) buah kumpulan KIK dari enam (6) Pusat Tanggungjawab.

Konvensyen KIK UTeM Kali ke-3 telah dilaksanakan pada:

**Tarikh : 1 Mac 2017 (Rabu)**  
**Masa : 9.00 pagi hingga 6.00 petang**  
**Tempat: Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi**





Penganjuran konvensyen KIK ini juga merupakan usaha UTeM mencapai kualiti hidup dalam kampus yang sejahtera dengan mengutamakan serta mengamalkan kemampanan dan kelestarian melalui pelaksanaan penjimatan.

Majlis KIK UTeM dimulakan dengan kata aluan daripada Encik Mohd Isa bin Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana KIK UTeM.



Seterusnya majlis perasmian Konvensyen KIK UTeM kali ke-3 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM di mana intipati ucapan perasmian beliau menjelaskan bahawa penganjuran Konvensyen KIK merupakan suatu inisiatif penting dan tidak harus dilihat sebagai satu acara tahunan semata-mata yang hanya disertai oleh peserta-peserta konvensyen. Dalam konteks yang lebih luas, konvensyen KIK hendaklah diterjemahkan sebagai komitmen berterusan dari semua Ketua Pusat Tanggungjawab untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh di setiap Pusat Tanggungjawab masing-masing. Program KIK juga turut mewujudkan budaya penjimatan di kalangan komuniti Universiti dengan melaksanakan dasar penjimatan secara berkesan.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan syabas kepada semua kumpulan KIK UTeM kerana telah melakukan yang terbaik di dalam membantu pihak Pengurusan Universiti melaksanakan penjimatan melalui projek-projek inovasi yang dihasilkan. Secara tidak langsung, melalui konvensyen ini, ia bukan sahaja menggalakkan perkongsian idea di kalangan peserta bahkan dapat merangsang ke arah budaya kerja yang lebih sistematik dan penambahbaikan berterusan.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa pihak Pengurusan Universiti akan terus menyokong program KIK dan peserta KIK perlu bekerja keras untuk membawa nama UTeM di peringkat kebangsaan dan antara-bangsa. Kejayaan setiap pasukan untuk memenangi pertandingan tidak datang bergolek sebaliknya dengan berkat kesungguhan dan kerjasama ahli kumpulan.

UTeM akan meneruskan dasar penjimatan dalam perbelanjaan pengurusannya di mana segala dasar perbelanjaan Universiti perlu dilakukan secara teliti, cekap, berkesan, mempunyai *value for money*, dan berpegang kepada amalan-amalan yang terbaik supaya pengurusan kewangan Universiti berada pada tahap yang terkawal dan telus.



## OBJEKTIF PENGANJURAN KONVENSYEN KIK PERINGKAT UTeM

**1** Membuka minda warga UTeM bahawa kreativiti dan inovasi adalah teras kejayaan dalam pekerjaan.

**2** Memupuk kerjasama di kalangan warga Universiti melalui persaingan melahirkan idea-idea inovatif dalam penciptaan sesuatu sistem dan cara kerja baru.

**3** Memperkenalkan sistem dan cara kerja baru yang dapat meningkatkan mutu perkhidmatan penyampaian Universiti melalui idea-idea inovatif dan kreatif kakitangan pelbagai peringkat.

**4** Menggalakkan warga UTeM berfikir di luar kotak iaitu cara berfikir dengan menggunakan perspektif baru yang merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan minda kelas pertama.

**5** Membantu pihak Pengurusan dalam menyelesaikan masalah di tempat kerja melalui inovasi yang dihasilkan dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan.

### SENARAI PANEL PENILAI

#### Ketua Panel

Prof. Madya Dr. Norzaidi bin Mohd Daud  
Pengarah  
Komuniti Penyelidikan (Sains Pengurusan)  
Universiti Teknologi MARA, Selangor

#### Panel

Encik Mokhzani Aris bin Mohd Yusof  
Pengurus  
Perbadanan Produktiviti Malaysia


Puan Mazzeza binti Ab Wahab  
Ketua Unit Pengurusan Transformasi dan Inovasi  
Jabatan Kecemerlangan Perniagaan  
Kementerian Pendidikan Malaysia





**KEPUTUSAN KONVENSYEN KIK KALI KE-3 UTeM**

KATEGORI PENGURUSAN	KUMPULAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TAJUK PROJEK	KATEGORI HADIAH
Johan	POLISH	Perpustakaan	Kegagalan Menutup Komputer Selepas Digunakan	Wang Tunai : RM3,000.00 Plak Sijil Penghargaan
Naib Johan	THINK BIG	Pejabat Pendaftar	Pelucuthakan emolumen bagi staf yang tidak hadir bertugas pada tempoh yang ditetapkan	Wang Tunai: RM2,000.00 Plak Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	TECH & GO	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	Sistem Fail ISO	Wang Tunai: RM1,000.00 Plak Sijil Penghargaan
Saguhati	KERIS	Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan	Strategic Paper Management (SPM)	Wang Tunai: RM500.00  Sijil Penghargaan





**KEPUTUSAN KONVENSYEN KIK KALII KE-3 UTeM**

KATEGORI TEKNIKAL	KUMPULAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TAJUK PROJEK	KATEGORI HADIAH
Johan	A. E TECH	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	JIG Robot Welding	Wang Tunai: RM3,000.00 Plak Sijil Penghargaan
Naib Johan	G-MART	Pejabat Pembangunan	MA4RU: Solusi kepada kawalan terhadap kadar alir air pada pili air	Wang Tunai: RM2,000.00 Plak Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	GOMU	Pejabat Pembangunan	Pembaziran Masa, Tenaga dan Kos Untuk Pembaikan Kebocoran Paip di UTeM	Wang Tunai: RM1,000.00 Plak Sijil Penghargaan
Saguhati	ENERGY STAR	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	Pendingin Hawa Dibiarkan Terpasang Walaupun Tiada Pengguna	Wang Tunai: RM500.00  Sijil Penghargaan



**PERSEMBAHAN TERBAIK**

KATEGORI PENGURUSAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TAJUK PROJEK	KATEGORI HADIAH
Kumpulan POLISH	Perpustakaan	Kegagalan Menutup Komputer Selepas Digunakan	Wang Tunai : RM 500.00 Plak Sijil Penghargaan
KATEGORI TEKNIKAL	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TAJUK PROJEK	KATEGORI HADIAH
Kumpulan G-MART	Pejabat Pembangunan	MA4RU: Solusi kepada kawalan terhadap kadar alir air pada pili air	Wang Tunai : RM 500.00 Plak Sijil Penghargaan



Kesinambungan momentum kejayaan ini harus dikekalkan dengan memastikan UTeM terus komited mengekalkan kecemerlangan di mana pemenang KIK pada kali ini akan mewakili UTeM ke peringkat Universiti Awam dan seterusnya di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Di harapkan melalui penganjuran Konvensyen KIK dapat menyuntik semangat warga UTeM bagi membudayakan inovasi dan kreatif serta dapat menarik lebih banyak penyertaan dari setiap Pusat Tanggungjawab pada masa hadapan.

Bagi kumpulan yang memenangi anugerah semoga ianya menyuntik inspirasi untuk terus menjana idea-idea kreatif bagi meningkatkan prestasi masing-masing. Bagi kumpulan yang kurang berjaya, semoga mengambil pendekatan positif untuk terus berusaha menghasilkan idea-idea baru yang lebih kreatif demi kecemerlangan UTeM.

Tahniah diucapkan Kepada Semua Kumpulan KIK Yang Berjaya!

“Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi”

# Bersara Pilihan



Oleh: Nur Fazilah binti Mohd Kassim

Seseorang staf boleh berhasrat untuk bersara secara pilihan iaitu lebih awal dari umur persaraan wajib yang telah dipilih di bawah Seksyen 12 Akta 227/239.

Antara syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

Telah berumur 40 tahun pada tarikh permohonan

Telah genap 10 tahun perkhidmatan yang diambilkira

Telah disahkan dalam jawatan

Telah diberi Taraf Pekerja Berpencen

Bebas daripada tindakan tatatertib / tindakan mahkamah

Tidak terikat dengan syarat-syarat kontrak biasiswa kerajaan atau UTeM. Bagi staf yang masih mempunyai ikatan kontrak biasiswa kerajaan atau UTeM, staf perlulah membayar gantirugi bagi mendapatkan pelepasan ikatan kontrak

## Faedah Persaraan

Pesara yang layak mendapat Faedah Persaraan adalah:

Seseorang staf yang telah bersara dan memenuhi syarat layak dibayar faedah persaraan seperti Pencen Perkhidmatan (bayaran bulanan) & Ganjaran Perkhidmatan (bayaran sekaligus)

Ganjaran wang tunai yang diberi sebagai gantikan cuti rehat (GCR) yang terkumpul akan dibayar sebaik sahaja mereka bersara

Bagi staf yang memohon bersara pilihan, pencen akan dibayar seperti berikut :

Tarikh Lantikan / Had Umur Bagi Bayaran Pencen	Sebelum 12 April 1991	Pada atau Selepas 12 April 1991
Pencen akan dibayar apabila mencapai umur	45 tahun bagi staf perempuan	Mengikut umur persaraan wajib iaitu 55/56/58/60 tahun
	50 tahun bagi staf lelaki	



## Formula Perkiraan Pencen dan Ganjaran

### Pencen Perkhidmatan

$$1 \times \text{Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Pokok (Akhir)} / 600$$

- 1 Tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji akhir diterima
- 2 Tidak boleh kurang daripada satu perlima daripada gaji akhir yang diterima
- 3 Tidak kurang dari RM280 sebulan bagi tempoh perkhidmatan yang dimasukkiran 300 bulan atau lebih

### Ganjaran Perkhidmatan

$$7.5 \times \text{Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Pokok (Akhir)} / 100$$

### Gantian Cuti Rehat (GCR)

$$1 \times \text{Jumlah GCR} \times (\text{Gaji Pokok} + \text{Imbuhan Tetap}) / 30$$

(Nota : Jumlah GCR adalah tertakluk kepada maksimum 150 hari)

# resolusi

## Se-UTeM

Oleh: Azhar bin Mohd Salleh

**R**esolusi Se-UTeM adalah hasil daripada program “*Team Building*” Pengurusan Tertinggi UTeM yang telah diadakan pada 13 – 15 Mei 2016 bertempat di Puteri Beach Resort, Negeri Sembilan dan dihadiri oleh seramai 41 orang peserta. Program tersebut telah menetapkan objektif seperti berikut:

- 01 Penerapan konsep kepimpinan dalam Islam serta strategi kepimpinan dalam mendepani cabaran
- 02 Penyediaan *profiling* pengurusan tertinggi
- 03 Penjelasan mengenai peranan UTeM sebagai pusat ilmu dan khidmat komuniti
- 04 Penerapan kaedah *Nuero-Linguistic Programming* (NLP) dalam kepimpinan

Hasil daripada program tersebut, satu (1) rumusan telah disepakati oleh Pengurusan Tertinggi UTeM yang menjadi asas kepada Resolusi Se-UTeM seperti berikut:

### Pekerjaan Sebagai Ibadah

Setiap warga UTeM perlu memberi manfaat kepada orang lain

Memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan

### Menghidupkan Nilai Teras UTeM (5 core value)

Setiap warga UTeM perlu menghidupkan dan menghayati nilai teras UTeM

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan professional dan berintegriti

### Menyerlahkan Potensi Diri

Setiap warga UTeM mempunyai potensi diri dan perlu serlahkan potensi diri untuk memacu kecemerlangan UTeM

Potensi diri harus diterjemahkan untuk pembangunan diri dan organisasi

### Teruja bekerja sebagai sebuah pasukan

Warga UTeM sentiasa ingin menyumbang dan teruja dalam melaksanakan tanggungjawab serta memiliki daya juang yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan

### Persaudaraan Se-UTeM (Konsep 1UTeM)

05

Semua warga UTeM adalah saudara SeUTeM dan saling memerlukan dalam bekerja untuk memacu kecemerlangan

Penggunaan perkataan saudara Se-UTeM dalam pekerjaan

### Pengoptimuman Sumber

06

UTeM mempunyai kepakaran dan kelengkapan sumber, penggunaan sumber secara optimum mampu menghasilkan kecemerlangan untuk UTeM

### Permuafakatan Kepimpinan Berimpak

07

Menerapkan permuafakatan kepimpinan berimpak dalam melaksanakan tanggungjawab


### Permasyarakatan UTeM

08

Kewujudan UTeM perlu dirasai oleh masyarakat setempat dalam memacu potensi komuniti dalam mensejahterakan kehidupan



Rajah 1



Rajah 2



Rajah 3



Rajah 5



Rajah 4

Oleh itu bagi memastikan impak program ini dihayati semua peserta dan boleh memberi kesan secara langsung kepada ahli pasukan di Pejabat/Fakulti, beberapa tindakan boleh dilakukan seperti berikut:

Bagi mewujudkan suasana kekeluargaan, budaya "Salam Pandang Mata" perlu dipraktikkan di kalangan Pengurusan Tertinggi serta warga UTeM

Pengurusan Tertinggi dan warga UTeM perlu menghayati kata-kata keramat seperti mana dilirik lagu UTeM iaitu UTeM Cemerlang, Gemilang, Terbilang

Pengurusan Tertinggi boleh melaksanakan program sebegini di peringkat PTj masing-masing dengan menggunakan kepakaran dan kemudahan sedia ada

Bagi mewujudkan semangat kekeluargaan yang harmoni untuk mencapai kecemerlangan, satu resolusi telah dipersetujui/disepakati. Terdapat dua (2) reka bentuk yang telah dipersetujui untuk Resolusi Se-UTeM (Rajah 1 dan 2) dan resolusi tersebut telah di terjemahkan dalam bentuk info grafik seperti di Rajah 3, Rajah 4 dan Rajah 5



## *Penubuhan* Unit Latihan Strategik Seksyen Latihan dan Pengurusan Strategik *Bahagian Pembangunan Sumber Manusia*

Oleh: Tinta Firmannika bin Selamat

Unit Latihan Strategik di bawah Seksyen Latihan & Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah diwujudkan pada Januari 2017. Seiringan dengan hasrat Universiti dalam menjana pendapatan Universiti, fokus utama atau fungsi Unit ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk menjana pendapatan Universiti melalui penjualan dan pemasaran latihan-latihan atau kursus-kursus yang dijalankan kepada agensi-agensi luar seperti Universiti Awam (UA), Universiti Swasta (US), agensi-agensi swasta dan lain-lain agensi berkaitan sama ada di dalam Melaka atau di luar Melaka.

Pemasaran kursus juga akan dilakukan secara meluas sehingga ke Sabah dan Sarawak. Untuk perancangan tahun 2017 ini, Unit Latihan Strategik akan mensasarkan sekurang-kurangnya 3 kursus yang akan dipromosikan ke luar dengan mengutamakan bakat dalaman yang dikenal pasti yang berpotensi untuk dipasarkan.

Unit ini juga akan meneroka potensi pasaran baru khususnya dalam bidang latihan dengan menjalin jaringan perniagaan bersama agensi-agensi kerajaan/swasta di peringkat persekutuan dan negeri.

Selain fungsi utama unit dalam menjana pendapatan Universiti melalui latihan/kursus, fungsi-fungsi lain unit adalah seperti berikut:-

1 Merancang dan mereka bentuk keperluan latihan kepimpinan dan strategik:-

1.1 Membentangkan cadangan Kalender/Jadual Latihan dalam Mesyuarat Lembaga Penilaian Kompetensi

1.2 Penyediaan Kalender/Jadual Latihan Bahagian sepanjang tahun

2 Menguruskan latihan Pegawai Utama Universiti dan Pensyarah Muda (di bawah 35 tahun) mengikuti latihan kepimpinan anjuran AKEPT

3 Menyelaras penyediaan laporan bulanan dan tahunan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Pengurusan Universiti

4 Penganjuran kursus-kursus strategik/kepimpinan

4.1 PERINTIS

- Sekretariat PERINTIS
- Urus Setia Mesyuarat Program PERINTIS

4.2 Program Kepimpinan NLP

- Sekretariat NLP
- Urus Setia Mesyuarat NLP

5 Mengurus dan memproses permohonan staf mengikuti kursus/latihan/seminar/bengkel anjuran agensi luar

6 Mengurus dan memproses permohonan staf mengikuti kursus/latihan ke Luar Negara

7 Menjalankan kursus secara kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan/swasta di peringkat persekutuan dan negeri

8 Menguruskan kursus-kursus pensijilan profesional

9 Menyediakan direktori kepakaran staf (SME)

Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di bawah Unit Latihan Strategik adalah seperti berikut:-



Rafidah binti Md. Dusa  
Penolong Pendaftar Kanan (N44)



Mohd Faiz bin Zulkifli  
Pembantu Tadbir (N19)



Anuarrudin bin Md Soom  
Pembantu Tadbir (N19)



Mohamad Aszeri bin Ramli  
Pembantu Tadbir (N19)



Azri bin Dorasol  
Pembantu Operasi (N11)

# Taklimat Transformasi Laluan Kerjaya Akademik: “STRENGTHENING ACADEMIC CAREER PATHWAYS AND LEADERSHIP DEVELOPMENT”

Oleh: Noor Izwanni binti Amil

Pada 15 Februari 2017 telah diadakan Taklimat Transformasi Laluan Kerjaya Akademik: 'Strengthening Academic Career Pathways And Leadership Development' khusus kepada staf akademik UTeM di Dewan Besar UTeM anjuran bersama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftaran. Taklimat telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Bin Jaafar yang merupakan mantan Pengarah Program Transformasi Universiti, juga salah seorang ahli yang membangunkan Orange Book.

Taklimat adalah bertujuan memberikan pendedahan awal kepada staf akademik berhubung laluan kerjaya akademik iaitu laluan pendidik, laluan penyelidik, laluan pengamal profesional dan laluan pemimpin institusi. Ia juga merupakan salah satu pelan tindakan yang dirancang ke arah pelaksanaan pelbagai laluan kerjaya akademik yang dijangka pada 2018.

Seramai 418 staf akademik telah hadir pada taklimat serta mengambil peluang untuk mengemukakan soalan serta mendapatkan penjelasan lebih lanjut dari penceramah. Taklimat juga dilihat telah berjaya memberikan gambaran kepada staf akademik tentang hala tuju kerjaya mereka di dalam bidang akademik yang sebelum ini tiada laluan yang jelas. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berharap semoga usaha Universiti dalam membangun dan melaksanakan laluan kerjaya akademik berjalan lancar.





Oleh: Azmin Fadli bin Mahyuddin

## Lawatan Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) Ke Pejabat Poslaju Melaka

Pada tanggal 2 Mac 2017, satu lawatan oleh Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar telah diadakan ke Pusat Perkhidmatan Poslaju Melaka di Jalan Tun Fatimah. Pertemuan ini telah dipengerusikan oleh Encik Anuar bin Samat selaku Pengurus Cawangan Poslaju Melaka manakala wakil dari BPO ialah Encik Mohamad Yusof bin Mohamad Dan selaku Ketua Bahagian BPO, Encik Azmin Fadli bin Mahyuddin (Penolong Pendaftar) dan Encik Rahim bin Sulaiman (Pembantu Operasi). Lawatan adalah bertujuan untuk membincangkan beberapa perkara penting dalam usaha menambahbaik perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh pihak Mel UTeM.

Pertemuan yang telah berlangsung lebih dua jam telah membincangkan perkara berkaitan penjenamaan Unit Mel BPO, *re-routing option* bagi dokumen dan *parcel* ke Kampus Induk UTeM setelah operasi Poslaju bagi poskod 76100 dipindahkan ke cawangan Alor Gajah, pengenalan kepada Sistem Maklumat Poslaju Malaysia dan beberapa perkara yang melibatkan situasi menang-menang antara UTeM dan pihak Poslaju Melaka. Lawatan tamat pada jam 5.00 petang.



# Lawatan Berkaitan Pengurusan Rekod Oleh Pelajar UiTM Segamat Ke Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO)

Oleh: Azmin Fadli bin Mahyuddin



Pada 31 Mac 2017, Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar telah menerima kunjungan dan lawatan penyelidikan pelajar dari UiTM Segamat Johor. Lawatan tersebut telah dihadiri seramai 4 orang pelajar Program Sarjana Muda Sains Pengurusan Rekod disambut dengan tangan terbuka oleh pihak BPO seterusnya dibawa ke Bilik Bincang BPO bagi sesi penerangan.

Tujuan utama lawatan tersebut adalah bagi mendapatkan pendedahan dalam situasi sebenar pekerjaan berkaitan tatacara pengurusan rekod dan juga sebagai memenuhi tuntutan keperluan kursus "Classification and Filing System". Antara maklumat yang disampaikan adalah berkenaan operasi pengurusan rekod, fungsi organisasi dan aktiviti, sistem pengurusan rekod, tatacara pengkelasan fail yang digunakan dan cara pelupusan rekod.

Selain daripada sesi penerangan dan sesi soal jawab yang berlangsung lebih satu jam di Pejabat BPO, para pelajar tersebut juga telah dibawa melawat ke Bilik Rekod Limbo yang bertempat di perkarangan Pejabat Pembangunan. Ini adalah bagi membantu para pelajar tersebut dapat melihat secara langsung keadaan fizikal Bilik Rekod Limbo yang selama ini hanya dapat disaksikan melalui buku-buku teks atau carian Google. Sesi penerangan ini sedikit sebanyak telah membantu pelajar memahami fungsi dan operasi sesebuah Bilik Rekod Limbo. Sesi lawatan tamat pada jam 12:30 tengah hari.



# Bengkel Pemberian Pakaian Seragam Secara “Wear & Tear” Di UTeM

Oleh: Azlina binti Amzah



Bagian Pengurusan Organisasi (BPO) telah mengadakan Bengkel Pemberian Pakaian Seragam secara “Wear & Tear” pada 28 Mac 2017. Bengkel ini disertai oleh Ahli Jawatankuasa Pakaian Seragam Universiti, wakil daripada Pusat Kesihatan UTeM, Pejabat Keselamatan dan KEKUTeM. Antara perkara-perkara yang dibincangkan di dalam bengkel tersebut adalah:

1 Carta alir proses pemberian pakaian seragam secara “Wear & Tear”

2 Proses kerja pemberian pakaian secara “Wear & Tear”

3 Garis panduan pakaian seragam yang dikategorikan sebagai rosak yang boleh dibaiki atau rosak yang tidak boleh dibaiki / ‘total loss’

Bengkel ini akan disambung untuk siri-siri seterusnya. Tujuannya adalah untuk memperhalusi semua perkara sama ada dari sudut Pengurusan Universiti, BPO mahupun sudut keperluan staf sendiri.

Setelah bengkel ini diadakan, BPO akan membuat *survey* di kalangan staf yang mendapat pakaian seragam untuk melihat keperluan dan kesesuaian pakaian seragam yang diperolehi. Bengkel ini berakhir pada jam 4.30 petang.




Oleh: Sulaina binti Kamarudin

# Jelajah

## Pendidikan Bumiputra 2017

Program Jelajah Pendidikan Bumiputera (PJPB) merupakan inisiatif dan projek Khas YAB Perdana Menteri untuk mengenalpasti dan membantu para pelajar di seluruh negara terutama di luar bandar yang mengalami keciciran. Selanjutnya, PJPB merupakan satu platform kerajaan bagi mempromosikan serta menyediakan akses yang luas kepada golongan yang kurang berkemampuan dan pelajar-pelajar bumiputera yang kurang bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran ke institusi Pengajian Tinggi dan Institut Kemahiran di seluruh negara. Secara khusus kumpulan sasaran utama bagi PJPB adalah:-

- 1 Golongan pelajar Bumiputera sahaja yang telah menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) & STPM dari tahun 2012 hingga 2016 (5 tahun)
- 2 Lepas Matrikulasi
- 3 Lepas Diploma
- 4 Sasaran terakhir ialah keutamaan kepada golongan bumiputera yang miskin dan tidak berkemampuan (B40) serta mempunyai keputusan baik atau memuaskan, tetapi tidak mendapat peluang untuk menyambung pelajaran



Program ini dianjurkan oleh Yayasan Destini Anak Bangsa (YDAB) yang diketuai oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Program Jelajah Pendidikan Bumiputera 2017. Program ini telah diadakan di semua negeri yang melibatkan 53 Parlimen di Malaysia. Program ini telah dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan (bermula awal Mac, April dan awal Mei) bermula di daerah Bera, Pahang pada 11 Mac 2017 (Majlis Perasmian) dan jelajah ini telah tamat pada 30 April 2017 di Bagan Datuk, Perak.

Jelajah Pendidikan Bumiputera 2017 adalah merupakan kesinambungan kejayaan JPB 2016 yang telah memberi impak positif dalam membuka peluang dan ruang bagi melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi. Lebih daripada 37,000 golongan Melayu Bumiputera berjaya dibantu dan diberi peluang kedua melalui PJPB 2016. Ini membuktikan bahawa program ini telah memberi peluang yang besar kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) untuk mengubah kehidupan dengan melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.

YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar bersama beberapa orang delegasi dari YDAB telah membuat kunjungan hormat ke UTeM pada 23 Disember 2016 bagi menjelaskan maksud JPB 2017 dan hasrat YDAB. Seterusnya pihak UTeM meyambut usaha murni ini dengan menyatakan kesediaan untuk menyertai program bagi tahun 2017. Di pihak UTeM, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Unit Promosi di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah diberi mandat bagi menjayakan JPB di setiap lokasi yang telah dipilih.



Sehubungan itu, pihak UTeM telah menyertai program Jelajah Pendidikan Bumiputera 2017 di lima lokasi seperti di bawah:

Tarikh	Lokasi
11 Mac 2017	Padang Majlis Daerah Bera, Pahang
30 Mac 2017	Majlis Perbandaran Seremban
5 April 2017	SMK Munsyi Abdullah Melaka
30 April 2017	Bagan Datuk Perak

Dari segi proses permohonan, pelajar yang berminat dikehendaki membawa salinan kad pengenalan, sijil SPM/STPM, Matrikulasi, Diploma dan sijil-sijil akademik yang berkaitan. Dari segi pentadbiran, setiap Universiti Awam (UA) termasuk UTeM dikehendaki untuk memproses permohonan sama ada yang diserahkan secara terus atau melalui pos sekembali ke UTeM dan keputusan untuk menawarkan surat tawaran akan dikeluarkan secara serentak dengan keputusan yang dikeluarkan oleh pihak UPU, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Secara keseluruhan, melalui program JPB pihak UTeM telah berjaya mengenalpasti beberapa pelajar yang telah memenuhi syarat minimum untuk ditawarkan kemasukan ke UTeM bagi program Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Diharapkan dengan keterlibatan serta komitmen pihak UTeM dalam PJPB dapat menyahut serta memenuhi aspirasi dan agenda yang telah dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bagi membantu golongan bumiputera yang kurang bernasib baik dari segi pendidikan.

## Catatan Seorang Pengembara Ilmu Di Bumi Sakura

Mei 2014, bermulanya satu siri perjalanan yang bersejarah dalam hidup saya, perjalanan yang sangat memberi kesan dalam hidup saya, perjalanan memartabatkan ketinggian sesuatu cabang ilmu.

Secara umumnya, boleh saya katakan perjalanan PhD saya sangat mencabar daya tahan mental dan fizikal, kerana selain berjauhan dengan keluarga, saya juga terpaksa berjauhan dengan tunjang utama kekuatan saya iaitu suami dan dalam masa yang sama saya harus berperanan sebagai mama dan papa kepada seorang puteri yang sangat aktif membesar, di samping berhadapan dengan *supervisor* yang sangat tegas, *perfectionist* dan profesional.

Tidak dinafikan, pernah sekali terdetik di hati kecil ini, ingin menyerah kalah kepada perjuangan yang baru sahaja bermula apabila mendapat tekanan daripada *supervisor* disebabkan faktor perbezaan latar belakang jenis penyelidikan, iaitu dari *application* kepada *theoretical research*. Alhamdulillah, Allah pegang hati ini untuk terus bertahan dan saya tanamkan azam untuk terus mengorak langkah menyusuri denai-denai impian menuju ke puncak harapan, kerana saya yakin bahawa Allah tidak akan membebani seseorang hamba-Nya melainkan sesuai dengan kesanggupannya.

Maka dengan itu, 14 Februari 2017, adalah tarikh besar dalam hidup saya yang baru sahaja menjadi sejarah dalam kamus hidup saya, iaitu PhD *defence*. Proses PhD *defence* saya berlangsung selama lebih kurang 1 jam 40 minit, dan alhamdulillah saya berjaya mengharunginya walaupun proses tersebut agak "killing".

**Dr. Norhazwani Md Yunos**  
Fakulti Pengurusan Teknologi dan  
Teknousahawanan



Selesai sahaja proses defence saya, saya diarah keluar bagi memberi laluan kepada examiners membuat *evaluation*. Beberapa minit kemudian, supervisor saya keluar dan mengumumkan bahawa saya lulus tanpa sebarang pembetulan. 23 Februari 2017, selain genap 4 tahun usia puteri tunggal saya, ia juga merupakan tarikh besar dalam kamus hidup saya di mana pada tarikh tersebut, sebuah naskah berjilid bertajuk "*Polynomial-space Exact Algorithms for Travelling Salesman Problem in Degree Bounded Graphs*" setebal 185 muka surat selamat diserahkan ke Graduate School of Informatics, Kyoto University bagi tujuan pengijazahan. Tanggal 23 Mac 2017 adalah hari graduasi Kyoto University, di mana pada tarikh tersebut, saya dianugerahkan dengan Ijazah Kedoktoran yang membawa gelaran Dr., yang mana ia merupakan salah satu pencapaian yang saya impikan sejak di bangku sekolah lagi. Alhamdulillah, terima kasih yang tidak terhingga atas rezeki dan peluang yang diberikan, terutama kepada penaja pengajian saya di bawah skim SLAI, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. *And to all Malaysians, I am humbled by your money from which the scholarship is originated. Rest assured, your money would not go to waste.*

Oklah, kalau nak cerita semua, memang tak akan habis, jadi saya terapkan sedikit motivasi untuk rakan-rakan yang sedang dan bakal berjuang:

## 01 - Niat

Sekiranya niat asal pergi *oversea* sebab nak beli kereta, nak bawa balik kereta, kereta murah di sana katanya ya, maka keretalah yang pertama anda dapat. Sekiranya niat pergi *oversea* sebab dapat melancong/berjalan-jalan, maka itulah yang akan anda perolehi. Tetapi sekiranya niat anda adalah demi menuntut ilmu dan membawa amanah yang dipertanggungjawabkan, maka walaupun dalam kesulitan pasti akan ada kemudahan untuknya. Yang lain-lain tu (kereta, melancong, etc), sekiranya sudah tertulis rezeki untuk kita, alhamdulillah itu adalah bonus untuk kita. Jadi, perbetulkanlah niat anda sebelum status anda bertukar kepada "cuti belajar".


## 02 - Usaha

Setimpalkah usaha yang anda pertaruhkan untuk perjalanan yang bersejarah ini? Tidak dinafikan, ada segelintir antara kita, nampak tenang, tetapi, setenang air di sungai, jangan disangka tiada buaya.

## 03 - Doa

Mohon doa dari semua orang-orang di sekeliling anda, terutama ibubapa dan pasangan. Dan ini agak menjadi habit saya, apabila berkomunikasi dengan sesiapa sahaja, ayat "tolong doakan kita ya" pasti akan terlepas luncur keluar dari mulut ini.

Tiga *point* di atas, nampak *cliche* kan, tetapi itulah pegangan saya di samping ayat-ayat yang dapat memotivasikan saya supaya momentum kekal di paras yang sewajarnya, disertakan dengan pengorbanan yang dikorbankan untuk mencapai matlamat utama tersebut. Tiga tahun berada di perantauan, cukup memberikan saya satu pengalaman yang sangat berharga, dan sekembalinya saya ke Malaysia, saya seperti diberi nafas baru dan kehidupan yang baru. *At the end of the day*, saya bersyukur sangat dengan perjalanan ini, di dalam ketegasan supervisor saya, hikmahnya saya dapat *graduate on time*, dan dengan sifat perfectionist yang ada dalam diri supervisor saya, saya dapat *graduate without any correction*, walaupun cabaran yang terpaksa dilalui dalam perjalanan tersebut, hanya Allah yang mengetahui segalanya.





**Dr. Hazli Rafis Bin Abdul Rahim**  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer

Universiti:  
**Universiti Malaya**

Tempoh:  
**2 September 2014 –  
14 Mac 2017**

Bidang Penyelidikan:  
**Kejuruteraan Elektronik  
(Penggera Optik)**

Ph.D atau doktor falsafah merupakan ijazah tertinggi yang dianugerahkan oleh sesebuah Universiti. Penganugerahan tersebut dibuat setelah calon berjaya membuat penyelidikan yang mencapai standard Ph.D dalam sesuatu bidang. Pendek kata, ijazah PhD bukanlah suatu ijazah yang mudah diperolehi. Ia melalui satu proses pembelajaran dan penyelidikan yang tinggi mutunya sesuai dengan status ketinggian ijazah tersebut. Sememangnya laluan setiap pelajar adalah berlainan dan boleh berubah mengikut keadaan semasa.

Akan tetapi setiap sudut kekurangan boleh diatasi dengan persediaan yang cukup dan pelaksanaan strategi yang tepat. Sepanjang tempoh pengajian PhD saya, saya sentiasa memastikan fokus saya tidak terjejas dan perancangan-perancangan yang disasarkan tercapai dalam tempoh yang ditetapkan. Fokus ini diperolehi dan datang dengan sokongan daripada orang-orang di sekeliling saya. Contohnya, keluarga saya yang sentiasa memahami situasi saya yang perlu memberi tumpuan kepada pelajaran dan saya juga akan pastikan keperluan keluarga telah disediakan secukupnya pada setiap minggu sebelum pulang ke Universiti.

Seterusnya, saya sentiasa ingatkan diri saya supaya tidak mempersiapkan masa atau menangguhkan kerja dengan menggunakan kesempatan yang ada kerana di hadapan saya tidak pasti apa akan berlaku yang mana mungkin boleh menjejaskan penyelidikan PhD saya. Saya juga sentiasa ingatkan diri saya agar sentiasa melaporkan kemajuan penyelidikan kepada penyelia walaupun tidak ditanya.






Refleksi yang diperolehi daripada penyelia akan diguna untuk penambahbaikan penyelidikan saya. Hal ini membantu mempercepatkan penyelidikan saya dapat diselesaikan. Walaupun saya telah berkeluarga, seboleh-bolehnya saya cuba untuk tidak memberi alasan berkaitan hal-hal keluarga selagi saya masih berkemampuan menyusun dan mencari masa untuk selesaikan penyelidikan yang diminta oleh penyelia dalam sesuatu tempoh tanpa mengabaikan keluarga. Sekiranya terlalu banyak memberi alasan dan

menolak, faktor ini juga boleh menjejaskan hubungan dengan penyelia dan tidak dipertimbangkan untuk mendapat peluang-peluang lain seperti menghadiri persidangan, pertandingan dan kursus.

Pengalaman yang paling berharga sepanjang perjalanan PhD saya ialah saya berpeluang menjalani sangkut penyelidikan di Bangkok University, Thailand selama 9 bulan. Walaupun Thailand adalah sebuah negara yang berjiran dengan Malaysia tetapi ia terlalu jarang menjadi pilihan rakyat Malaysia untuk menyambung pengajian di sana. Maka kehidupan seharian saya dan keluarga sepanjang berada di sana betul-betul menuntut semangat berdikari yang tinggi dan saya mengambil ini sebagai satu kelebihan untuk fokus sepenuhnya kepada penyelidikan saya tanpa terlibat dengan aktiviti-aktiviti santai sesama rakan senegara yang menjadi kebiasaan apabila menyambung pengajian di luar negara.

Seiringan dengan usaha yang berterusan, sesungguhnya tidak lengkap tanpa doa yang tidak putus-putus dan doa juga adalah satu medan terbaik untuk mohon dan meluahkan segenap rasa kepada-Nya kerana kejayaan itu tidak akan dapat tanpa keizinan daripada Nya. Inilah serba sedikit perkongsian berkaitan PhD saya yang diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 2.5 tahun dengan 7 ISI jurnal, 5 persidangan, 2 patent dan satu *book chapter*. Adalah diharapkan perkongsian ini dapat memberi motivasi kepada rakan-rakan yang akan menyambung pengajian PhD selepas ini. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya yang menjadi tulang belakang dalam kejayaan ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai penaja dan UTeM/Bahagian Cuti Belajar yang mengurus pengajian saya dari awal sehingga selesai.





10 Dis  
2016

# Raikan Cinta

Mohd Nazrul bin Mohd Shafri  
Nama pasangan:  
Siti Fatimah binti Kamarudin

Tahniah

# Raikan Si Kecil



Nur Adni binti Azri  
Tarikh Lahir : 23 Februari 2017  
Ayah: Azri bin Dorasol



Muhammad Al Fateh bin Mohd Fadzli  
Tarikh Lahir : 26 Januari 2017  
Ibu: Siti Rohani binti Manan

Tahniah



Amina Zahra Binti Khusairi  
Tarikh Lahir : 13 Mac 2017  
Ayah: Khusairi bin Ramli



Aariz Eusoff Bin Muhamad Hazrul  
Tarikh Lahir : 1 April 2017  
Ayah: Muhamad Hazrul bin Md Esa